

30/05/2004

Pemimpin muda pewaris ketua

by Ismail Mat

GELANGGANG politik Umno dibuka Selasa ini apabila lebih 3.5 juta ahlinya membuat perhitungan awal untuk memilih pemimpin peringkat cawangan, diikuti pemilihan peringkat bahagian dan Perhimpunan Agung Umno menjelang September depan.

Biasanya mesyuarat pemilihan di kebanyakan peringkat cawangan Umno yang berjumlah kira-kira 19,000 cawangan di seluruh negara berlangsung secara mudah dan ringkas, malah kadang-kala berakhir tidak sampai sejam. Namun, ada juga yang terpaksa berhadapan dengan hentakan meja dan pemuluan mesyuarat.

Meskipun berlangsung ringkas, semua ahli Umno perlu menyedari dan memahami betapa pemilihan kali ini sebenarnya bakal menentukan masa depan dan daya tahan perjuangan Umno untuk selama-lamanya.

Meskipun ada pertandingan di sesetengah tempat, namun di kebanyakan cawangan, semua ahli cenderung untuk mengekalkan barisan kepimpinan sedia ada. Bagi kebanyakan ahli Umno pada peringkat akar umbi, selagi seseorang pemimpin itu boleh menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik, selagi itulah akan terus diberi kepercayaan dan sokongan.

Kepercayaan dan harapan itu menyaksikan Ketua Umno Cawangan ada kala turut menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), ketua kampung, penghulu dan pelbagai tanggungjawab lain.

Ketenteraman dan perpaduan di kalangan ahli Umno di setiap cawangan akan tercemar apabila ada pihak menyusun strategi bagi memastikan individu tertentu berjaya merampas dan menduduki kerusi ketua cawangan.

Strategi yang mewujudkan gangguan kepada ketenteraman dan kekuatan di kalangan akar umbi itu sebenarnya didalangi pihak terbabit yang mempunyai kepentingan tertentu atau perancangan yang lebih jauh.

Apa pun, keputusan pengurusan Umno membenarkan semua ahli menjelaskan yuran tahunan keahlian sebelum mesyuarat peringkat cawangan bermula, membolehkan semua ahli mengambil bahagian dalam mesyuarat.

Peraturan baru itu juga dapat membendung tindakan segelintir ahli dan pemimpin Umno mensabotaj ahli lain daripada mengambil bahagian dalam pemilihan cawangan dengan alasan tidak menjelaskan yuran tahunan.

Sebelum ini, yuran perlu dibayar sebelum 31 Disember setiap tahun bagi melayakkan ahli mengambil bahagian pada mesyuarat tetapi ramai tidak dapat berbuat demikian kerana lewat membayar yuran atau dihalang cawangan.

Peraturan baru itu sudah disampaikan secara lisan oleh Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaacob pada pertemuan dengan setiausaha bahagian Umno seluruh negara baru-baru ini.

Berikutan itu, jika ada cawangan enggan menerima yuran keahlian sebelum mesyuarat akan diambil tindakan, dan ahli terbabit diminta segera melaporkan perkara itu.

Sebelum ini, ada ahli tercicir daripada mengambil bahagian ketika mesyuarat cawangan dengan alasan gagal membayar yuran kerana kebiasaannya, sebahagian besar ketua cawangan Umno menjelaskan dulu yuran tahunan sebelum kutipan semula wang daripada ahli.

Meskipun persidangan bermula Jun, namun hakikatnya kempen yang dijalankan calon tertentu pada peringkat cawangan dan bahagian sudah lama berlangsung secara senyap.

Maklumat daripada akar umbi yang diterima menunjukkan kempen sudah hangat berjalan di sesetengah tempat berikutan keghairahan ahli yang hendak bertanding pada peringkat bahagian cuba mencari pengaruh.

Dalam keghairahan bertanding, setiap ahli dan pemimpin Umno kini sewajarnya insaf terhadap perjuangan Umno yang menempuh pelbagai pengalaman pahit dengan kemuncaknya, pengharaman parti itu pada 1987.

Umno menjadi tulang belakang Perikatan dan Barisan Nasional (BN) sejak negara mencapai kemerdekaan, tidak pernah kalah kepada pembangkang kerana kekuatan dan pengaruh kuat lawan di kalangan rakyat.

Sejarah membuktikan, kekalahan Umno hanya berpunca daripada kelemahan dan kepincangan dalaman berikutan pertelingkahan dan perebutan kedudukan dalam parti menyebabkan perpecahan yang membolehkan ia dimanipulasi pembangkang hingga menimbulkan kebencian di kalangan rakyat dan pengundi.

Krisis dalaman yang membawa kepada pengharaman Umno hingga tertubuhnya parti serpihan, Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan pemecatan Timbalan Perdana Menteri yang membawa kepada munculnya Parti Keadilan, adalah bukti nyata.

Apabila pemimpin Umno yang gagal dalam cubaan mendapatkan kedudukan dan kuasa dalam parti bersikap mementingkan diri berbanding kepentingan perjuangan bangsa dan negara, maka tercetuslah perpecahan yang merugikan.

Keperitan Umno menempuh sejarah lalu, sewajarnya dijadikan panduan dan iktibar kepada pemimpin Umno yang menawarkan diri untuk menduduki jawatan pada pemilihan kali ini.

Setiap ahli kini tidak boleh sama sekali membiarkan diri mereka menjadi mangsa adu domba, hasutan serta amalan politik wang di kalangan mereka yang hendak menawarkan diri.

Kesediaan Tun Dr Mahathir Mohamad menyerahkan tampuk kuasa Perdana Menteri, sekali gus jawatan Presiden Umno kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam suasana aman dan tenteram adalah contoh terpuji yang wajar diinsafi dan dijadikan iktibar semua lapisan ahli dan pemimpin Umno.

Pada pemilihan kali ini, ramai pemimpin dalam Pemuda Umno tidak dapat mempertahankan jawatan masing-masing dalam pergerakan itu berikutan usia yang melebihi 40 tahun.

Berikutan itu, ramai di antara mereka kini mengintai peluang untuk mendapatkan kedudukan dalam bahagian dan pastinya usaha itu memerlukan sokongan pada peringkat cawangan.

Pemimpin bahagian tidak seharusnya menutup pintu kepada mereka kerana proses penawaran diri pemimpin muda seharusnya dilihat secara positif untuk memperkuat barisan bahagian selain kesinambungan kepemimpinan politik.

Ini kerana, pemimpin muda kini adalah pewaris kepemimpinan masa depan. Mungkin peluang mereka tidak terus kepada ketua, sebaliknya dimulakan dengan kedudukan di peringkat jawatan kuasa, Naib Ketua atau Timbalan Ketua.

(END)